



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 17 OGOS 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	MAFI PERLUAS KURSUS PEMASARAN ONLINE KEPADA AGROPRENEUR, BISNES SINAR, SH -31 MAFI ANJUR KURSUS PEMASARAN DALAM TALIAN, HAKAKAH DAILY -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3. 4. 5.	BENIH KERANG TAMBAH PENDAPATAN NELAYAN PONTIAN, DALAM NEGERI, UM -33 TUJUH NELAYAN TANGKAP IKAN TANPA LESEN DITAHAN, SINAR NEGERI P.PINANG, SH -25 TAHAN 25 KRU, BOT NELAYAN VIETNAM, RAMPAS 4 TAN IKAN, BISNES SINAR, SH -30	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6.	SUSU KAMBING UHT PERTAMA MALAYSIA, BISNES SINAR, SH -30	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
7. 8.	MAQIS RAMPAS 6.3 TAN SAYUR DAN BUAH, SINAR NEGERI KELANTAN, SH -29 SAYUR, BUAH-BUAHAN SELUDUP DIRAMPAS, NEGARA, KOSMO -17	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
9. 10.	LAHIR BELIA TANI, NEGERI, HAKAKAH -N14 MALAYSIA'S FIRST VANILLA SMART FARM LAUNCHES IN PENANG, NEWS, NST -12	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

MAFI perluas kursus pemasaran online kepada agropreneur

KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan memperluaskan penganjuran kursus pemasaran dalam talian kepada agropreneur muda di seluruh negara bagi membantu golongan berkenaan memasarkan produk pertanian dan agro makanan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, seramai 50 usahawan muda di Sabah menjadi kumpulan pertama menjalani kursus itu semalam.

“Penjualan dalam talian ini membantu usahawan muda memasarkan produk secara lebih meluas dan terbuka tanpa melalui orang

tenang dan ini adalah peluang serta perkembangan cukup baik.

“Justeru, kementerian melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menggalakkan usahawan muda menggunakan medium dalam talian kerana mereka lebih mudah memahami Internet dan memanfaatkan untuk perniagaan,” katanya pada majlis perasmian Kursus Pemasaran Dalam Talian Agropreneur Muda Sabah di Kota Kinabalu, Sabah semalam.



CHE ABDULLAH

Sementara itu, beliau berkata pemasaran dalam talian menerusi platform AgroBazaar membantu meningkatkan jualan produk pertanian dan industri asas tani sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan.

“Sepanjang tempoh itu, hasil jualan produk pertanian melalui AgroBazaar di Sabah mencatatkan kutipan kira-kira RM200,000 dengan penyertaan usahawan yang cukup menggalakan,” katanya. - *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/8/2020	HARAKAH DAILY	ONLINE	

MAFI anjur kursus pemasaran dalam talian



KOTA KINABALU: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan memperluas penganjuran kursus pemasaran dalam talian kepada agropreneur muda di seluruh negara, bagi membantu golongan itu memasarkan produk pertanian dan agro makanan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata seramai 50 usahawan muda di Sabah menjadi kumpulan pertama menjalani kursus berkenaan, hari ini.

"Penjualan melalui dalam talian ini membantu usahawan muda memasarkan produk secara lebih meluas dan terbuka tanpa melalui orang tengah, dan ini adalah peluang serta perkembangan cukup baik

untuk memasarkan produk secara terus kepada pengguna.

"Justeru, kementerian melalui FAMA (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan) menggalakkan usahawan muda menggunakan medium dalam talian kerana mereka lebih mudah memahami Internet dengan lebih baik dan memanfaatkannya untuk perniagaan," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Kursus Pemasaran Dalam Talian Agropreneur Muda Sabah di sini, hari ini.

Sementara itu, beliau berkata pemasaran dalam talian menerusi platform AgroBazaar membantu meningkatkan jualan produk pertanian dan industri asas tani sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan.

"Sepanjang tempoh itu, hasil jualan produk pertanian melalui AgroBazaar di Sabah mencatatkan kutipan kira-kira RM200,000 dengan penyertaan para usahawan yang cukup menggalakkan," katanya yang berharap usahawan tani muda di Sabah memanfaatkan platform itu. – BERNAMA

17/8/2020

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

33

Benih kerang tambah pendapatan nelayan Pontian

PONTIAN: Sejar usaha mem-
pelbagaikan pendapatan
nelayan, Komuniti Nelayan
Pontian Besar (KNPB) giat me-
masarkan benih kerang yang
diambil dari Perairan Api-Api
dan Pontian Besar, di sini.

Pengurus Projek KNP, Ma-
zlin A. Rahmad berkata, seba-
nyak 60 nelayan menyertai
projek tersebut sebagai sum-
ber pendapatan tambahan se-
lain aktiviti tangkapan laut.

"Benih-benih kerang ini di-
jual mengikut gred-gred ter-
tentu antara harga RM19 se-
hingga RM29 sekilogram.

"Alhamdulillah, usaha ini
membuahkan hasil apabila
mendapat pasaran di Selan-
gor, Perak dan Pulau Pinang
dengan purata benih kering
yang dipungut sebanyak lima
hingga enam tan metrik se-
hari," katanya kepada *Utusan
Malaysia* baru-baru ini.

Mazlin berkata, usaha
mereka itu mendapat kebe-
naran menerusi lesen dike-
luarkan Jabatan Perikanan
Daerah Pontian dalam menga-
wal aktiviti mengambil benih
kerang.

Sehingga kini, katanya, ne-
layan terlibat mendapat lesen
kebenaran mengambil benih
kerang bermula 24 Julai lalu
dan berakhir pada 24 Ogos ini.

"Kami berharap dapat di-
lanjutkan lesen mengambil
benih kerang bagi membole-



SEORANG nelayan mengambil
benih-benih kerang di perairan
Pontian Besar, Pontian, Johor.

hkan nelayan terus mendapat
manfaat daripada projek ini,"
katanya.

Tambahnya, usaha ber-
kenaan juga bertetapan den-
gan saranan kerajaan agar para
nelayan dapat mempelbagai-
kan pendapatan tanpa bergan-
tung kepada hasil tangkapan
laut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/8/2020	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI P.PINANG	25

Tujuh nelayan tangkap ikan tanpa lesen ditahan

GEORGETOWN - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Pulau Pinang menahan tujuh nelayan tempatan kerana menangkap ikan tanpa lesen sah di kedudukan kira-kira tiga batu nautika timur laut Pulau Kendi tengah hari kelmarin.

Pengarahnya, Kepten Maritim Hamizan Harun berkata, kesemua nelayan berusia lingkungan 17 hingga 56 tahun itu ditahan dalam Op Benteng Laut pada jam 12.45 tengah hari.

Menurutnya, penahanan tersebut turut membatikan rampasan lima kilogram ikan campur selain tiga bot yang digunakan untuk kegiatan tersebut.

“Ketika ditahan, semua nelayan sedang berada di dalam tiga buah bot nelayan tempatan kelas A,” ketika dihubungi *Sinar Harian* semalam.

Kesemua didapati melakukan kesalahan mengikut Seksyen 8(a) Akta Perikanan 1985 iaitu melakukan aktiviti menangkap ikan tanpa lesen sah.

Dalam operasi sama katanya, pihaknya turut menahan tiga lelaki dipercayai warga Myanmar berusia 16, 26 dan 32 tahun.

“Ketiga-tiga ditahan di 2.6 batu nautika selatan Pulau Aman kerana bekerja di atas sangkar ikan tidak berdaftar dan hasil pemeriksaan turut mendapati ketiga-tiganya tidak memiliki permit kerja dan dokumen pengenalan diri yang sah,” katanya.

Kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 6(1) (c) Akta Imigresen 1959/63 kerana tinggal dan berada di Malaysia tanpa pas atau permit yang sah.

Tahan 25 kru, bot nelayan Vietnam, rampas 4 tan ikan



SERAMAI 25 kru bot Vietnam yang ditahan APMAM dalam Operasi Naga Timur dan Operasi Sejahtera di Kota Kinabalu kelmarin.

KOTA KINABALU - Seramai 25 kru bot nelayan asing berusia antara 18 hingga 50 tahun ditahan Maritim Malaysia (APMM) dalam Operasi Naga Timur dan Operasi Sejahtera kelmarin.

Dalam pemeriksaan sekitar pukul 4.45 petang itu, turut dirampas kira-kira empat tan ikan pelbagai jenis.

Pengarah APMAM Sabah dan Labuan, Laksamana Pertama Mohd. Rosli Abdullah berkata, bot nelayan Vietnam itu ditahan pada kedudukan 29 batu nautika barat laut Pulau Mantanani.

"Bot nelayan berkenaan diperiksa dan ditahan oleh bot peronda APMAM yang kebetulan

membuat tinjauan di perairan Pulau Mantanani.

"Kita dapati terdapat bot nelayan asing sedang melakukan aktiviti menangkap ikan secara tunda ganding.

"Sebuah bot nelayan asing dipercayai warga Vietnam ditahan untuk tujuan pemeriksaan.

"Pemeriksaan awal mendapati 25 awak-awak termasuk terdapat dalam bot terbabit dan tidak memiliki dokumen pengenalan diri," katanya menerusi kenyataan akhbar semalam.

Mohd. Rosli berkata, bot terbabit juga tidak mempunyai sebarang dokumen atau kebarangkalian daripada Pengarah Peri-

ikanan Malaysia untuk menjalankan aktiviti menangkap ikan di perairan negara.

Menurutnya, pemeriksaan lanjut turut mendapati bot berkenaan membawa hasil tangkapan sebanyak empat tan ikan pelbagai jenis.

Bot dan awak-awak yang ditahan dan dibawa ke Jeti APMM di Sepanggar untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat.

Ujian saringan Covid-19 juga dilakukan oleh pihak Kementerian Kesihatan ke atas anggota bot peronda APMAM dan semua kru bot nelayan Vietnam.

Kes disiasat mengikut Akta Perikanan dan Akta Imigresen 1959/63.

Susu kambing UHT pertama Malaysia

Bekas jurutera labur RM1.2 juta hasilkan susu kambing berkualiti, tahan lama

Oleh FARAH SHAZWANI

Masalah jangka hayat susu kambing dihasilkan tidak mampu bertahan lama telah menyebabkan syarikat Tenox Agrobusiness Sdn Bhd meneroka teknologi baharu menerusi kaedah *ultra heat temperature* (UHT).

Pemilikinya, Muhammad Hariz Nordin, berkata, inisiatif itu diambil selépas syarikat berkenaan sering mencatatkan pemulangan produk yang tinggi daripada peruncit.

"Sebelum ini, susu kambing berpastur yang dihasilkan secara tradisional itu sukar untuk dipasarkan kerana jangka hayatnya sekadar bertahan antara empat hingga lima hari.

"Hal tersebut menyebabkan pasaran-nya terhad dalam pasar tani dan pasar raya sahaja," katanya kepada *Bisnes Sinar*.

Susulan itu, katanya, beliau mengambil keputusan membeli mesin menghasilkan susu UHT agar produk dikeluarkan Tenox Agrobusiness terjamin kualitinya, sekali gus menjadikan syarikat itu sebagai pengeluar susu kambing UHT pertama di Malaysia.

Menurutnya, sebanyak RM1.2 juta telah dibelanjakan

oleh syarikat itu untuk membeli dan memasang mesin bagi tujuan berkenaan.

Beliau berkata, perkara tersebut penting kerana susu yang dihasilkan mempunyai kualiti berbeza.

"Berbanding susu berpastur yang saya hasilkan sebelum ini, ia hanya mampu bertahan 21 hari dan perlu disimpan dalam suhu sejuk antara 0 hingga 4 darjah celsius dan mudah masam jika disimpan dalam suhu bilik.

"Susu UHT boleh disimpan pada suhu bilik, dapat dipamerkan di rak kering dan sejuk dan mampu bertahan sehingga enam bulan selain tidak mempunyai bau yang kurang menyenangkan," katanya.

Malah, jelasnya, cara pemrosesan susu UHT juga lebih mudah dan cepat.

"Susu UHT dipanaskan pada suhu 135 darjah celsius selama empat saat dan dapat disejukkan pada suhu 4 darjah celsius selama 15 saat.

"Sementara susu berpastur pula perlu dipanaskan pada suhu 72 celsius selama 30 minit dan mengambil masa satu jam untuk suhu turun kepada 40 celsius,"

katanya yang memiliki kilang pemrosesan susu di Jenang, Marang, Terengganu.

Meningkat

Muhammad Hariz berkata, sejak meneroka kaedah penghasilan susu UHT, pengeluaran susu kambingnya meningkat kepada 58,000 botol sebulan berbanding hanya 12,000 botol sebelum ini.

"Buat masa ini, susu kambing UHT yang dihasilkan oleh Tenox Agrobusiness dijual dalam bentuk botol 125 mililiter.

"Ia boleh didapati dalam perisa asli, coklat dan strawberi.



Muhammad Hariz juga terlibat secara langsung dalam kerja-kerja pemrosesan susu kambing UHT Kaprima agar produk dihasilkan menepati pawaian ditetapkan.

Selepas ini saya merancang mahu mengeluarkannya dalam perisa jagung, espresso dan keladi," katanya.

Tambahnya, produk yang menggunakan jenama Kaprima itu diedarkan melalui 68 ejen di seluruh negara.

Bagaimanapun, katanya, beliau berdepan dengan cabaran kekurangan bekalan susu.

"Bekalan susu diperoleh dari ladang kami di Setiu, Terengganu dan beberapa ladang lain daripada penternak masih tidak konsisten kuantiti bekalannya.

"Mesin mampu mengeluarkan sebanyak 8,000 liter sehari namun syarikat hanya mencapai pengeluaran 250 liter sehari kerana masalah kekurangan bekalan susu ini," katanya.

Sungguhpun begitu, masalah tersebut tidak menghalang Tenox Agrobusiness untuk memasarkan produk keluarannya ke luar negara seperti Singapura, Brunei dan Arab Saudi.

Potensi

Berkongsi latar belakang perniagaannya, Muhammad Hariz berkata, beliau memilih perniagaan susu kambing selepas melihat industri penternakan mempunyai potensi di Terengganu.

Selain itu, katanya, minat terhadap haiwan juga mendorongnya untuk meneroka perniagaan berkenaan.

Menurutnya, pada 2011 beliau nekad meninggalkan kerjayanya sebagai jurutera dan menceburi bidang penternakan.

Lelaki berusia 34 tahun yang memegang Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrikal dan Elektronik dari Universiti of Sunderland, United Kingdom itu akhirnya mengambil keputusan menernak kambing pedaging.

"Selepas tamat belajar, saya aktif bermain kuda. Daripada situ kerap saya berurusan dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

"Melihat saya boleh menjaga kuda pada kos paling rendah, JPV menawarkan peluang menceburi bidang penternakan kambing pedaging," katanya.

Dengan modal sendiri sebanyak RM200,000, Muhammad Hariz berkata, beliau akhirnya secara serius menternak 247 ekor kambing pedaging dengan membuka ladang di Permaisuri, Setiu.

Bagaimanapun, katanya, beliau menukar model perniagaan berkenaan kepada kambing susu pada 2014 kerana ingin mempelbagaikan produk yang dihasilkan.



Muhammad Hariz menunjukkan produk Kaprima yang dikeluarkan oleh Tenox Agrobusiness.

Maqis rampas 6.3 tan sayur dan buah

RANTAU PANJANG - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kelantan merampas sayur dan buah-buahan segar seberat 6.3 tan ke negara ini dari Thailand tanpa permit sah di Kompleks Kastam, Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan Rantau Panjang.

Rampasan itu dilakukan Maqis Kelantan selepas berjaya menahan empat buah lori yang melakukan perbuatan mengimport keluaran pertanian tanpa permit yang sah di bawah Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

Pengarahnya, Mohd Azam Yahya berkata, dalam operasi tersebut pihaknya turut merampas 30 kilogram (kg) ikan bilis.

"Nilai keseluruhan rampasan barangan itu membabitkan nilai keseluruhan berjumlah RM9,400," katanya.

Menurutnya, siasatan awal mendapati kesalahan dilakukan oleh syarikat sama iaitu tidak mematuhi peraturan ditetapkan oleh Maqis.

Katanya, tindakan itu memperlihatkan sikap degil syarikat berkenaan yang ingkar dengan peraturan.

"Maqis Kelantan sama sekali tidak akan berkompromi dengan mana-mana individu atau syarikat yang sengaja melanggar peraturan," katanya.

Mohd Azam berkata, Maqis Kelantan sentiasa memandang serius dan tindakan penguatkuasaan di semua pintu masuk negara akan terus diperkasa bagi memastikan kawalan penyakit haiwan, ikan, tumbuhan serta jaminan keselamatan makanan terpelihara.

Katanya, langkah itu bagi menjamin keselamatan keluaran pertanian yang masuk ke dalam negara dan mematuhi syarat serta peraturan ditetapkan oleh kerajaan.



Maqis Kelantan merampas sayur dan buah-buahan segar seberat 6.3 tan ke negara ini dari Thailand tanpa permit sah di Kompleks ICQS Rantau Panjang.

Sayur, buah-buahan seludup dirampas

RANTAU PANJANG – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kelantan berjaya mematahkan cubaan membawa masuk sayur dan buah-buahan segar tanpa permit dari negara jiran.

Rampasan itu dilakukan di Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) di sini selepas menahan empat buah lori ketika memasuki sempadan negara.

Pengarah Maqis Kelantan, Mohd. Azam Yahya berkata, rampasan tersebut membabitkan nilai keseluruhan RM9,400.

Turut dirampas ialah 30 kilogram ikan bilis dalam operasi tersebut.

"Siasatan awal mendapati, syarikat yang terlibat telah berulang kali melakukan kesalahan yang sama sebelum ini.

"Tindakan jenayah itu secara tidak langsung memperlihatkan sikap keras kepala mereka terhadap undang-undang yang telah dikuatkuasakan," katanya

dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mohd. Azam menjelaskan, Maqis Kelantan tidak akan berkompromi dengan mana-mana individu atau syarikat yang sengaja melanggar peraturan.

Menurut beliau, pihaknya juga akan terus meningkatkan kawalan di semua ICQS di negeri ini menerusi jalinan kerjasama dengan pelbagai agensi penguat kuasa di sempadan.

"Langkah itu bagi memastikan semua barangan yang diimport itu bebas ancaman perosak, penyakit serta bahan cemar.

"Tindakan ini bertujuan menjamin keselamatan produk pertanian yang memasuki negara dan mematuhi syarat serta peraturan ditetapkan kerajaan," katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).



KAKITANGAN Maqis memeriksa bakul berisi sayur dan buah-buahan yang dirampas di ICQS, Rantau Panjang semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/6/2020	HARAKAH	NEGERI	N14



Ringkas Kelantan

Lahir belia tani

KOTA BHARU: Kelantan berusaha melahirkan lebih ramai golongan belia yang terlibat dalam sektor pertanian dan penternakan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar, Ustaz Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, program tersebut dilaksanakan pada 2019 di 10 Dun bagi melahirkan usahawan belia.

Katanya sebelum ini dipilih 10 Dun untuk membangunkan projek pertanian kelompok ini bagi melahirkan dua petani belia di setiap Dun.

Menurutnya juga kerajaan negeri memberi bantuan pertanian kepada golongan belia secara berperingkat.

“Tanah yang diusahakan seluas 184 hektar melibatkan 477 peserta di mana mereka usia kurang 40 paling ramai di Tanah Merah, Machang dan Bachok.

“Bagi menggalakkan penglibatan golongan berkenaan kita memberi bantuan sebanyak RM1,500 hingga RM2,000 bagi fasa pertama,” katanya di sini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/8/2020	NST	NEWS	12

Malaysia's first vanilla smart farm launches in Penang

BUKIT MERTA JAM: Penang has become the first state to launch a vanilla smart farm. Jubli Rebak Baru Sdn Bhd managing director Ezra Tan said the farm, managed by the company's subsidiary, Kairos Agriculture, used Agriculture 4.0 technology comprising Internet-of-Things, artificial intelligence, big data application, machine learning and a drone system. "A total of 8,000 vanilla vines have been planted on a 0.8ha land. The farm has an automatic watering system that will go into action upon detecting highly hot weather or excessively dry soil. Later, we will use the machine learning system, a technology that monitors the land and surrounding conditions, which (will) enable the vanilla to grow faster." He said the vanilla yield was estimated to be worth RM1.5 million a year. **Bernama**